Kerajaan peruntuk RM1.1 bilion naik taraf infrastruktur IPTA

Oleh BULETIN TV3 -Oktober 26, 2026 @ 10:59 Am



KUALA LUMPUR – Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mempergiat usaha menangani kekurangan penempatan pelajar di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) menerusi pembangunan kolej kediaman baharu, naik taraf asrama sedia ada, serta kerjasama strategik dengan pihak swasta. Menerusi Dasar Kemudahan Kediaman IPTA yang dibangunkan pada November 2024, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyasarkan penyediaan kemudahan kediaman sekurang-kurangnya 70 peratus daripada keseluruhan enrolmen pelajar prasiswazah sepenuh masa secara fizikal menjelang 2035.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zambry Abd Kadir, berkata kerajaan memperuntukkan RM1.1 bilion bagi tempoh 2021 hingga 2025 untuk tujuan penggantian, penaiktarafan serta pemulihan infrastruktur usang termasuk asrama. Beliau menambah, kementerian turut menerima peruntukan sebanyak RM800 juta pada tahun hadapan bagi meneruskan penambahbaikan kemudahan terbabit demi memastikan kebajikan dan keselesaan mahasiswa terus terpelihara.